

Kes dera meningkat tiga kali ganda

KUALA LUMPUR: Pengaruh media dan rakan sekeliling antara faktor utama kes penderaan meningkat hampir tiga kali ganda dari 129 kes pada 2007 kepada 407 kes pada 2008.

Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, pengaruh media yang semakin galak menonjolkan aksi, telatah, ragam dan profil perilaku kanak-kanak mungkin secara tidak langsung menjadi penyebab peningkatan kes penderaan.

“Manakala pengabaian, penderaan seksual dan penderaan fizikal jenis penderaan yang kerap dilaporkan dan statik menunjukkan semua kes berkenaan meningkat dari 2007 hingga 2008.

“Justeru, kerjasama orang awam amat penting dan masyarakat harus peka terhadap kes penderaan berlaku di sekeliling dengan melaporkan segera kes yang berlaku melalui sebarang saluran aduan disediakan,” katanya pada sidang media



FADZIL...perlu kerjasama orang ramai

selepas merasmikan Seminar Penjagaan Golongan Berkeperluan Khas: Kanak-kanak Perlu Dilindungi di ISM, semalam.

Mengulas mengenai seminar itu, beliau berkata, ISM melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melihat isu penderaan kanak-kanak sebagai perkara perlu ditekankan dan penganjuran seminar berkenaan bertujuan meningkat-

kan tabiat kepedulian masyarakat terhadap kes itu.

“Masyarakat tidak seharusnya mengharapkan agensi awam bertindak berseorangan, sebaliknya mereka perlu sama terbabit menangani isu ini,” katanya.

Seminar kedua diadakan ISM itu memberi pendidikan dan kefahaman kepada peserta yang terdiri daripada pemimpin masyarakat dan komuniti mengenai kes penderaan, penganiayaan atau pembunuhan kanak-kanak.

Mohamed Fadzil berkata, statistik menunjukkan perbalahan keluarga merupakan penyumbang utama kes penderaan diikuti penagihan arak, malu kerana anak luar nikah, anak tiri atau bukan anak kandung, kanak-kanak hiperaktif serta penagihan dadah.

“Pemimpin keluarga peringkat keluarga asas (keluarga terkini) dan keluarga asal (datuk dan nenek serta ipar duai) perlu peka apa yang berlaku terhadap kanak-kanak,” katanya.